



Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
No. Telefon: 03-80642400
No. Fax: 03-80642429

E-mel: ndcc@nadma.gov.my; opsroom@nadma.gov.my

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM



Masa dikeluarkan:
12:30 tengah hari; 29 November 2024

BAHAYA: Hujan sangat lebat berterusan dijangka berlaku

sehingga 30 November 2024

Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Jeli, Tanah Merah, Bachok, Machang, Pasir Puteh dan Kuala Krai) • Terengganu

BURUK: Hujan lebat berterusan dijangka berlaku

sehingga 30 November 2024

Perak (Hulu Perak) • Kelantan (Gua Musang) • Pahang (Jerantut, Maran, Kuantan, Pekan dan Rompin)

WASPADA: Hujan berterusan dijangka berlaku

sehingga 30 November 2024

Perlis • Kedah • Pulau Pinang • Perak (Kerian, Larut, Matang Dan Selama, Kuala Kangsar, Kinta dan Kampar) • Pahang (Tanah Tinggi Cameron, Lipis, Raub, Bentong, Temerloh dan Bera) • Johor (Segamat, Mersing dan Kota Tinggi)

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) pada 12:30 Tengah Hari, 29 November 2024 telah **Amaran Hujan Berterusan Bahaya (Merah)**, **Amaran Hujan Berterusan Buruk (Jingga)** dan **Amaran Hujan Berterusan Waspada (Kuning)** seperti yang dipaparkan di atas.

Sehubungan dengan itu, **Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri / Daerah hendaklah diaktifkan** serta meningkatkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri / Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dilengkapi dengan keperluan asas dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mempunyai segala aset pengoperasian yang mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan. **Semua Pusat Operasi / Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah**

memanjangkan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) akan sentiasa memantau situasi parameter maklumat teknikal dengan kerjasama pelbagai agensi teknikal. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat bencana, bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui talian telefon **03-8064 2400**, faksimili **03-8064 2429** dan alamat e-mel opsroom@nadma.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri

29 November 2024